

70,000 rakyat Malaysia dijangkiti HIV sejak 1986

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Dianggarkan lebih 70,000 rakyat Malaysia dijangkiti HIV, membabitkan lebih 8,000 kematian, sejak kes HIV positif pertama dikesan 20 tahun lepas, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, meskipun statistik ini membimbangkan, HIV di Malaysia terus terpendam dan tersembunyi dan merupakan topik yang enggan dibincangkan oleh rakyat Malaysia.

"Kita hanya melihat daripada jauh dan bercakap mengenainya bila perlu sahaja," katanya semasa merasmikan jamuan malam Red Ribbon Gala 2006 anjuran Yayasan AIDS Malaysia, di sin, malam ini.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.

Najib berkata, HIV merupakan malapetaka kemanusiaan yang mesti ditangani.

Beliau berkata, lebih 80 peratus mereka yang dijangkiti HIV berumur dalam kumpulan umur 20 hingga 40 tahun.

Kerajaan, katanya, menyedari bahawa HIV/AIDS mesti ditangani sepenuhnya dengan segera.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan memperuntukkan sumber yang banyak bagi menangani HIV/AIDS.

"Perlu ada usaha bersepadu semua pihak untuk memerangi HIV/AIDS. Pengalaman seluruh dunia menunjukkan bahawa usaha sama antara kerajaan, masyarakat dan sektor perniagaan dan media serta NGO (badan bukan kerajaan) sangat kritikal dalam memerangi epidemik itu," katanya.

Najib berkata, peranan syarikat dan perbadanan dalam usaha ini juga sangat penting.

Pada majlis itu jururawat terlatih, Jubaidah Bee Nagoor Pitchay dianugerahi Anugerah Dr. Siti Hasmah oleh Yayasan AIDS Malaysia kerana sumbangan beliau dalam merawat pesakit AIDS.